

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
SEMPENA MAJLIS ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG
BAGI TAHUN 2008
OLEH
YANG BERBAHAGIA DATO' ABDULLAH SANI BIN AB HAMID
KETUA PENGARAH
BAHAGIAN HAL-EHWAL UNDANG-UNDANG
PADA 20 MEI 2009

1

Saudara/saudari Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri Abd Aziz

Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

Yang Berhormat Dato' Liew Vui Keong

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

Yang Berusaha Puan Nik Hasmat binti Nik Mohamad

Ketua Pengarah Biro Bantuan Guaman,

2

Yang Berbahagia Datuk Abdul Karim bin Abdul Jalil

Ketua Pengarah Insolvency Malaysia,

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah BHEUU, BBG dan JIM

Pegawai-Pegawai Kanan BHEUU, BBG dan JIM

Para Jemputan,

Dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

3

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.**

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syukur kepada Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat kita berkumpul di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2008, Bahagian Hal-Ehwal Undang-Undang, Biro Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvency Malaysia pada petang ini. Saya bagi pihak warga BHEUU, BBG dan JIM ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Dato' Seri

4

Mohamad Nazri Abd Aziz yang telah sudi hadir bagi menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini.

2. Pada majlis ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada tuan/puan yang telah terpilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2008 ini. Tahun ini telah masuk tahun ketiga majlis ini dianjurkan sendiri oleh pihak Bahagian. Penganugerahan ini dibuat sebagai satu tanda pengiktirafan Bahagian dan Kerajaan terhadap prestasi kerja yang cemerlang yang telah disumbangkan oleh tuan/puan sekalian.

5

Diharapkan budaya kerja cemerlang ini akan terus dipupuk dan menjadi contoh kepada warga kerja lain di Bahagian ini. Sebagai penerima anugerah, tuan/puan semua bukan sahaja akan menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang, tetapi juga hadiah prestasi sebanyak Satu Ribu Ringgit dan insentif-insentif lain seperti peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus luar negara, seminar dan persidangan, dan peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran. Justeru, besarlah harapan saya agar anugerah ini akan menjadi satu suntikan motivasi dan pembakar semangat kepada tuan/puan semua agar

6

mempertingkatkan lagi usaha, prestasi kerja dan kualiti penyampaian perkhidmatan tuan/puan sebagai menghargai pengiktirafan yang telah diberikan.

Hadirin yang dihormati,

3. Untuk makluman hadirin sekalian, seramai 140 warga BHEUU, BBG dan JIM telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2008, iaitu peningkatan seramai 17 penerima dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Pemilihan Anugerah Khidmat

7

Cemerlang ini adalah dipilih menerusi Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia BHEUU berdasarkan kriteria-kriteria seperti markah Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) 85 peratus dan ke atas, telah berkhidmat bagi tempoh genap setahun pada akhir tahun penilaian, dan sumbangan anggota berkenaan kepada organisasi khususnya Perkhidmatan Awam, komuniti, daerah, negeri, dan negara secara amnya.

4. Untuk makluman hadirin juga, pemilihan APC ini juga dibuat berdasarkan pembahagian kuota yang mengambil kira semua kumpulan

8

perkhidmatan dari Kumpulan Sokongan II hingga ke Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Bilangan penerima APC bagi setiap agensi di bawah BHEUU, BBG, dan JIM pula tidak boleh melebihi 8 peratus daripada jumlah anggota yang sedang berkhidmat pada hujung tahun penilaian berkenaan. Walau bagaimanapun had maksimum ini tidak semestinya dipenuhi jika jumlah anggota yang layak tidak mencukupi.

9

YB Menteri, YB Timbalan Menteri, YBhg Dato, Tuan/Puan yang dihormati,

5. Semasa Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia yang diadakan bagi memilih penerima Anugerah Khidmat Cemerlang ini, didapati sebanyak 88.5 peratus daripada 1605 pegawai BHEUU, BBG dan JIM telah memperolehi markah purata LNPT 85 peratus ke atas. Ini menunjukkan bahawa jumlah bagi mereka yang layak dipertimbangkan adalah melebihi daripada jumlah kuota yang ditetapkan. Ini bermakna didapati ramai calon yang layak dan telah menunjukkan prestasi kerja

yang cemerlang sebenarnya. Namun, di dalam pemilihan, pasti ada persaingan untuk menjadi yang terbaik dari kalangan yang terbaik. Justeru, sebagai warga kerja yang terbaik, tuan/puan haruslah sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi dan ikhlas bekerja tanpa mengharapkan pengiktirafan semata-mata. Keikhlasan di dalam bekerja sebenarnya merupakan satu ibadah dan jika ia dapat difahami, sudah tentu ia akan dapat melahirkan keseronokan bekerja di kalangan warga Perkhidmatan Awam.

6. Suka saya mengingatkan di sini bahawa tugas sebagai penjawat awam pada masa kini menuntut pengorbanan bukan sedikit demi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan sentiasa relevan. Cabaran kita sebagai penjawat awam kini semakin besar bagi memenuhi ekspektasi *stakeholders* yang semakin kompleks. Namun, jika kita sentiasa mempraktikkan dan menitikberatkan prinsip asas bekerja seperti ketepatan masa, ketepatan fakta, teliti dan berdisiplin serta *willing to go extra miles* dalam memenuhi ekspektasi pelanggan, insyaallah Bahagian ini akan mampu menghasilkan modal insan dan sistem penyampaian yang bertaraf dunia.

Hadirin yang dihormati,

7. Tujuan kerajaan memperkenalkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) adalah bagi menentukan prestasi kerja penjawat awam dapat diukur dengan lebih adil dan objektif. Seperti yang tuan/puan maklum, markah LNPT ini juga digunakan sebagai salah satu kriteria bagi mempertimbangkan calon untuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Di dalam hal ini, saya ingin mengingatkan agar sistem pemarkahan yang diberikan hendaklah berpatutan, wajar dan memberi gambaran yang sebenar terhadap prestasi pegawai yang dinilai berdasarkan kepada

13

pencapaian hasil kerja, pengetahuan, kemahiran, kualiti peribadi serta sumbangan pegawai di dalam tahun yang dinilai. Terdapat markah yang terlalu ekstrem diberikan sehingga menghampiri markah 100 peratus sedangkan masih terdapat banyak ruang untuk pegawai yang dinilai tersebut memperbaiki diri dan prestasi kerjanya. Dan pertimbangan terhadap penilaian juga haruslah objektif dan realistik, bukan berdasarkan pertimbangan emosi semata-mata.

14

8. Kita sedia maklum bahawa Kerajaan hari ini telah memberi penekanan menyeluruh terhadap penghijrahan minda ke arah mentaliti kelas pertama yang berasaskan kepada tiga perkara pokok iaitu ketangkasan kerja, ketepatan dan keberhasilan bagi memperbaiki sistem penyampaian awam. Hasil kerja dilihat bukan lagi berdasarkan output atau bilangan kerja yang dihasilkan tetapi lebih kepada *outcome* iaitu kesan signifikan yang dihasilkan yang memberi nilai tambah dan peningkatan secara berganda kepada prestasi jabatan. Oleh itu saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan semua agar melipat gandakan lagi usaha bagi mempertingkatkan lagi kualiti kerja, prestasi dan produktiviti

15

jabatan masing-masing. Jadikanlah penganugerahan ini sebagai satu pemangkin untuk tuan/puan semua agar lebih berdaya saing, kreatif dan inovatif di dalam memberi sumbangan terhadap Perkhidmatan Awam di dalam usahanya mencapai status perkhidmatan bertaraf dunia.

9. Sebagai mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2008 bagi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Biro Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia. Adalah menjadi harapan saya agar kecemerlangan ini akan dapat terus dikekalkan dan menjadi

16

pendorong untuk kejayaan lain yang lebih besar pada masa akan datang.
Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.